

PERCEPTION OF MUSLIM COMMUNITY IN HULU LANGAT PERTAINING TO ILLEGITIMATE CHILD

(PERSEPSI MASYARAKAT MUSLIM DI HULU LANGAT TERHADAP ANAK TAK SAH TARAF)

Noraini Aqillah Ismail¹, Ahmad Munawar Ismail²

Abstract

Most people understand that illegitimate child and child out of wedlock are sharing the same definition. Various approaches, methodology and enforcement were being implemented by the government from time to time to curb this issue. This article discusses the perception of Hulu Langat, Selangor's Muslim community on illegitimate child. Selangor had been state as one of the states that having higher number of statistic of the illegitimate child in Peninsular Malaysia. A set instrument of survey and questionnaires has been distributed randomly. Its data has been analyzed by using descriptive analysis in form of mean, frequency and percentage. The data were analyzed using descriptive and inferential statistical techniques. The findings of this study show that the understanding of the concept of illegitimate child is high with the score (min = 4.30). The result of the survey shows that there are no negative perception towards illegitimate child. The muslim community of Ulu langat are aware and agree that the society and family plays a vital role in restraining the issue of illegitimate child.

Keywords: illegitimate child, perception, muslim community

Abstrak

Umum memahami anak tak sah taraf, anak luar nikah atau anak zina membawa maksud yang sama. Pelbagai pendekatan dan kaedah pelaksanaan, serta penguatkuasaan telah diperkenalkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa bagi mengekang gejala ini. Artikel ini membincangkan mengenai persepsi masyarakat Muslim terhadap anak tak sah taraf: Kajian di daerah Hulu Langat, Selangor. Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai bilangan statistik kelahiran anak luar nikah yang tinggi di semenanjung Malaysia. Satu set instrumen soal selidik telah diedarkan secara rawak. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif dalam bentuk min, kekerapan dan peratusan. Hasil dapatan kajian mendapati persepsi masyarakat terhadap anak tak sah taraf iaitu adalah tinggi (4.30). Kajian mendapati masyarakat di daerah ini tidak mempunyai persepsi yang negatif terhadap anak tak sah taraf. Mereka peka dan setuju bahawa masyarakat dan keluarga perlu sama-sama memainkan peranan dalam usaha bagi mengekang gejala anak tak sah taraf yang terjadi pada hari ini

Katakunci: anak tak sah taraf, persepsi, masyarakat Muslim

¹ Pelajar Sarjana Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi; nor_aen22@yahoo.com.

² Profesor Madya Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi; munawar@ukm.edu.my.

PENGENALAN

Agama Islam membawa ajaran yang memelihara dan menjaga keturunan atau nasab. Nasab adalah asas yang kukuh dalam membina sesebuah kehidupan rumah tangga yang mengikat individu berdasarkan kesatuan darah. Dalam rangka untuk menjaga nasab atau keturunan, Islam mengajar agar nikah disyariatkan. Islam memandang tinggi kemurnian nasab kerana hukum Islam sangat berkaitan dengan struktur keluarga seperti pewalian, pewarisan, dan konsep *muhrim* yang terjadi kerana hubungan persemendaan atau perkahwinan (Nurul Irfan 2009).

Menurut al-Zuhaili (2001: 845), nasab merupakan nikmat besar kurniaan Allah SWT kepada manusia. Hal ini telah dinyatakan dalam firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا

Maksudnya:

Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa menciptakan apa jua yang dikehendakinya).

(Surah al-Furqan 25:54)

Justeru agama Islam jelas melarang umatnya mendekati sebarang perbuatan yang mendekati zina, apatah lagi jika melibatkan diri dalam pezinaan. Antara punca utama terjebak dengan zina ialah pengaruh media sosial, pergaulan bebas serta kurang didikan agama daripada kalangan ibu bapa antara punca para remaja mudah terjebak dengan perhubungan seks sebelum nikah lalu sekaligus menyumbang kepada kelahiran anak tak sah taraf yang terjadi dalam masyarakat pada hari ini (Nurrual Hilal & Abd Ghani 2015)

Masalah anak tak sah taraf bertambah buruk dengan kelahiran pelbagai krisis akhlak seperti perbuatan tidak bermoral, penyalahgunaan dadah, capaian mudah terhadap tontonan bahan lucah, pengaruh rakan sebaya, pergaulan bebas, berkelakuan tidak sopan di tempat awam, dan sebagainya (Azizah & Nor 'Adha 2014). Budaya zina yang tidak terkawal telah menatijahkan kepada kelahiran anak tak sah taraf yang mendorong kepada berlakunya isu berkaitan membin/bintikan anak tak sah taraf ini (Zulkifli 2017).

Anak tak sah taraf dari segi hukum merupakan anak yang dilahirkan tanpa melalui ikatan perkahwinan yang sah atau kurang daripada enam bulan anak itu dilahirkan selepas perkahwinan kedua-dua ibu bapanya. Anak tersebut tidak boleh dibin atau dibintikan dengan bapanya. Dia juga tidak boleh diwalikan oleh bapanya, atau pun mewalikan perkahwinan saudara perempuannya dan tidak berhak mendapat harta pusaka. Pada hakikatnya, anak ini tetap suci bahkan yang berdosa ialah kedua ibu bapanya (Zaleha 2002: 7-8).

Antara kajian yang telah dilakukan ialah kajian yang berkaitan dengan perlindungan hak anak tidak sah taraf yang beragama Islam di bawah undang-undang di Malaysia (Azizah 2006). Seterusnya, kajian berkaitan anak tak sah taraf dari persepektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia (Paizah 2013) dan sejauh mana undang-undang sedia ada mampu menangani masalah kelahiran anak tak sah taraf di negara ini (Azizah & Nur 'Adha 2014). Selain itu, terdapat juga kajian yang menganalisa kes yang melibatkan anak tak sah

taraf di mahkamah syariah (Zulkifli et al. 2013). Terdapat juga kajian lain yang mengupas isu penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi dari sudut pandang siasah syar'iyah di Malaysia (Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya 2016). Kebanyakan kajian yang telah dilakukan adalah berbentuk kualitatif dengan mengaitkan kajian dengan perundangan dan mahkamah di Malaysia.

Kajian ini dilakukan bagi mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap isu anak tak sah taraf. Secara umumnya, kajian ini dilakukan bagi mengkaji persepsi masyarakat terutama setelah tercetusnya polemik yang melibatkan isu membin/bintikan anak tak sah taraf kepada bapa biologinya. Polemik muncul apabila baru-baru ini iaitu ada 27 Julai 2017 yang lalu, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa anak pasangan beragama Islam yang dilahirkan secara luar nikah kini layak di sisi undang-undang untuk berbinkin nama bapanya (Norlizah 2017). Hal ini telah mencetuskan pelbagai tindakbalas dalam kalangan anggota masyarakat.

Manakala, kawasan kajian iaitu daerah Hulu Langat merupakan satu daripada sembilan daerah yang terdapat di Negeri Selangor (<http://www2.selangor.gov.my/hululangat>) Ia merupakan daerah yang ke-5 terbesar dalam negeri Selangor. Pengkaji memilih Hulu Langat sebagai tempat kajian kerana ia berada dalam negeri Selangor. Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan bilangan statistik anak tak sah taraf yang tinggi di semenanjung Malaysia. Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; statistik remaja hamil yang berusia 10 sehingga 19 tahun daripada Jabatan Kesihatan Negeri menunjukkan statistik di Selangor ialah 1603 orang selepas Sarawak (5 246 orang) dan Johor (2 427 orang) (Harian Metro 2016).

REALITI ANAK TAK SAH TARAF DI MALAYSIA

Umum memahami anak tak sah taraf ialah anak yang dilahirkan tanpa hubungan pernikahan yang sah. Anak tak sah taraf disebut sebagai *walad al-zina* dalam bahasa Arab, yang bermaksud anak yang lahir di luar 'aqad perkahwinan yang sah. Anak zina pada hakikatnya suci daripada segala dosa orang tuanya (M. Abdul Mujieb et al. 2002).

Ulama-ulama terdahulu telah membahaskan mengenai anak tak sah taraf dalam perkara berkaitan dengan nasab anak. Menurut al-Zuhaili (2001), bagi membolehkan anak dinasabkan bapanya, kelahiran anak tersebut mestilah enam bulan daripada tempoh masa ia dibolehkan melakukan persetubuhan selepas akad perkahwinan. Jika anak tersebut lahir kurang daripada tempoh minimum mengandung iaitu enam bulan, dan melebihi tempoh maksima mengandung; tidak lebih dua tahun menurut pendapat Imam Hanafī, empat tahun menurut pendapat Mazhab Shāfi'i dan Hanbali dan lima tahun menurut Mazhab Māliki, maka ulama sepakat berpendapat tidak sabit nasab kepada suami, dan ia adalah bukti bahawa kandungan telah berlaku sebelum akad perkahwinan.

Hal ini selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bermuzakarah pada 10 Jun 2003 bersetuju mendefinisikan anak tak sah taraf seperti berikut (JAKIM 2013):

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan shubhah atau bukan anak perhambaan.

2. Anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh)

Anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram, dan tidak boleh menjadi wali.

Manakala, daripada aspek penamaan anak tak sah taraf pula Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang diadakan pada tahun 1981 turut menjelaskan mengenai anak tak sah taraf;

“Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 1 yang bersidang pada 28-19 Januari 1981 telah membincangkan penamaan anak tak sah taraf (anak luar nikah). Muzakarah memutuskan bahawa anak zina atau anak luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada ‘Abdullah” (JAKIM 2015).

Di Malaysia, bagi mereka yang beragama Islam, peruntukan berkaitan kesahatarafan anak terletak di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri sebagaimana termaktub dalam Senarai 2 (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Kuasa negeri-negeri berhubung dengan Hukum Syarak. Seksyen 2, 81, 86, 111 dan 112 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri memperuntukkan beberapa peruntukan mengenai kedudukan anak tak sah taraf (Zulkifli et.al 2013).

Menurut Undang-undang Persekutuan Malaysia, terdapat beberapa akta yang dikaitkan dengan anak tidak sah taraf. Dalam Akta 299, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 dalam Seksyen 13³, Peruntukan mengenai bapa kepada anak tidak sah taraf:

“Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tidak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.”

Manakala dalam Seksyen 13A, berkaitan dengan nama keluarga kanak-kanak:

- i. Nama keluarga, jika ada, yang hendak dicatatkan berkenaan dengan anak sah taraf hendaklah secara biasanya menjadikan nama bapa sebagai nama keluarganya, jika ada.
- ii. Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tidak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak atas nama keluarga orang itu.

³ Portal Rasmi Peguam Negara: <http://www.agc.gov.my/agcportal/index.php?r=portal2/lom2&id=1150>

Di Malaysia statistik berkenaan anak tak sah taraf yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan bagi tahun yang berbeza. Menurut JPN, pendaftaran semua kelahiran itu hanya membabitkan wanita Islam, kerana tiada status sedemikian untuk bukan Islam (Sophia 2016 & Anon 2014).

Jadual 1 Statistik Anak Tak Sah Taraf

Tahun	Bilangan anak tak sah taraf
2009	52 620
2010	52 710
2011	54 150
2012	58 715
2013	53 492
2014	54 614
2015	51 169

Sumber: Sophia 2016 & Anon 2014

Mahkamah Tinggi Syariah merupakan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa bagi mendengar sebarang kes mengenai anak tak sah taraf. Pemohon sama ada ibu, bapa, datuk, nenek dan penjaga termasuk anak tak sah taraf sendiri boleh membuat permohonan pengesahatarafan di Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri (Zulkifli et.al 2013).

Pada 27 Julai 2017 yang lalu, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa anak pasangan beragama Islam yang dilahirkan secara luar nikah kini layak di sisi undang-undang untuk berbincang nama bapanya. Keputusan penting itu dibuat oleh panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Tengku Maimun Tuan Mat ketika membenarkan rayuan seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun dan kedua ibu bapanya. Beliau yang bersidang bersama Datuk Abdul Rahman Sebli dan Puan Sri Zaleha Yusof sebulat suara mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak semakan kehakiman yang difailkan oleh ketiganya (Norlizah 2017).

Mahkamah berpendirian bahawa Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara selaku responden kedua telah bertindak di luar bidang kuasa sewaktu mendaftarkan 'Abdullah' sebagai nama bapa kepada kanak-kanak itu dalam sijil kelahirannya, sedangkan sepatutnya dalam kes ini Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara hanya tertakluk kepada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (BDRA) 1957 dan tidak terikat dengan fatwa. Ibu dan bapa kanak-kanak itu (perayu kedua dan perayu ketiga), kedua-duanya beragama Islam bernikah pada 24 Oktober 2009. Kanak-kanak lelaki tersebut dilahirkan pada 17 April 2010 iaitu lima bulan dan 24 hari atau lima bulan dan 27 hari menurut kalendar Qamariah Islam (Norlizah 2017 & Farah Marshita et. al. 2017).

Ekoran daripada keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan ini, maka timbul pelbagai polemik dan keresahan dalam kalangan umat Islam, ulama dan ahli perundangan Islam di Malaysia. Ia dilihat seperti bercanggah dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang sebelum ini memutuskan anak tidak sah taraf, sama ada diikuti dengan perkahwinan

ibu bapanya atau tidak, hendaklah dibin atau dibintikan dengan nama Abdullah yang bermaksud hamba Allah atau nama-nama Allah daripada *Asma al-Husna* (Farah Marshita et. al. 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk memperoleh maklumat. Satu set instrumen soal selidik telah melalui proses pengesahan dan disedarkan secara rawak kepada masyarakat Islam di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Responden dipilih secara rawak bagi mendapatkan maklumat sebenar daripada masyarakat awam Muslim, dan tidak hanya berfokus kepada kakitangan kerajaan atau pekerja swasta sahaja. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan kepada jumlah penduduk yang merangkumi pelbagai peringkat seperti penjawat awam, pensyarah universiti, pekerja kilang, pelajar dan lain-lain.

HASIL KAJIAN

Latar belakang responden

Responden yang terlibat ialah masyarakat Muslim yang menetap di sekitar Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Aspek latar belakang yang diambil kira ialah jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, tahap pendidikan agama tertinggi, pekerjaan dan sejauh mana keterlibatan mereka dengan anak tak sah taraf.

Profil demografi responden mendapati kebanyakan yang menyertai kajian ini terdiri daripada golongan wanita iaitu 21 orang (70%) manakala 9 orang (30%) adalah responden lelaki. Disebabkan tumpuan kajian adalah daripada masyarakat yang berada di sekitar bandar, kebanyakan responden berusia 18-25 tahun iaitu melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan responden.

Manakala daripada latar belakang pendidikan pula, responden yang mempunyai tahap pendidikan SPM adalah paling ramai iaitu seramai 11 orang (35.7%) diikuti dengan responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 9 orang (30%). Memandangkan kebanyakan responden berusia 18-25 tahun, seramai 22 orang (73.3%) berstatus bujang dan 8 orang (26.7%) responden sudah berkahwin.

Bagi pekerjaan responden pula, 12 orang (20%) bekerja dalam sektor swasta, manakala 8 orang (26.7%) bekerja dalam sektor swasta dan 3 orang (10%) bekerja sendiri. Memandangkan kajian dilakukan di kawasan bandar dan bukan bangunan atau premis kerajaan, maka bilangan Bagi item soalan mengenai keterlibatan dengan anak tak sah taraf, 13 orang (43.3%) dan responden selebihnya tidak pernah terlibat dengan kes anak tak sah taraf. Keterlibatan di sini bermaksud sesiapa sahaja yang pernah berhadapan sendiri dengan anak tak sah taraf, sama ada melalui kawan, ahli keluarga atau masyarakat terdekat. Profil demografi keseluruhan responden adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Maklumat Latar Belakang Responden

	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	9	30
Wanita	21	70
Umur		
18-25 tahun	17	56.7
26-30 tahun	6	20
31-40 tahun	3	10
41 tahun ke atas	4	13.3
Tahap pendidikan tertinggi		
PHD	1	3.3
Sarjana	3	10
Ijazah Sarjana Muda	9	30
Diploma	5	16.7
STPM/STAM	1	3.3
SPM	11	36.7
Tahap pendidikan agama		
Universiti kos agama	6	20
Universiti bukan kos agama	6	20
Sekolah menengah agama	9	30
Sekolah menengah harian	9	30
Pekerjaan		
Kerajaan	8	26.7
Swasta	12	40
Bekerja sendiri	3	10
Tidak bekerja	3	10
Lain-lain	4	13.3
Status perkahwinan		
Bujang	22	73.3
berkahwin	8	26.7
Keterlibatan dengan anak tak sah taraf		
Ya	13	43.3
Tidak	17	56.7

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan bagi menggambarkan persepsi masyarakat terhadap anak tak sah taraf diinterpretasikan dengan tiga tahap skor min iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Pembahagian adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 hingga 2.49	Rendah
2.50 hingga 3.50	Sederhana
3.51 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Sanger et. al. 2007; M.Asrar 2012

Bagi menggambarkan mengenai persepsi masyarakat terhadap anak tak sah taraf ini adalah seperti yang terdapat dalam item "Saya tidak memandang serong anak tak sah taraf" menunjukkan 9 orang (30%) sangat bersetuju dan 17 orang (56.7%) bersetuju. Hal ini

menunjukkan 86.7% peratus daripada responden tidak meletakkan pandangan serong kepada anak tak sah taraf.

Manakala bagi item “Anak tak sah taraf tidak berdosa”, 12 orang (40%) sangat setuju bahwa anak tak sah taraf adalah tidak berdosa dan 15 orang (50%) lagi bersetuju dengan item ini. Hal ini menggambarkan masyarakat tidak meletakkan dosa yang dilakukan oleh kedua-dua ibu bapa kepada anak yang dilahirkan.

Bagi item “Anak tak sah taraf dilayan sama seperti orang lain” 16 orang (53.3%) setuju dengan kenyataan ini, manakala 12 orang (40%) pula bersetuju layanan terhadap anak tak sah taraf adalah sama sahaja dengan anak yang lain. Hal ini demikian menggambarkan separuh daripada responden setuju mengenai memberi layanan sama rata terhadap anak tak sah taraf. Hal ini demikian, menggambarkan masyarakat tidak bersifat menghukum anak tak sah taraf. Persepsi negatif yang bersifat menghukum perlu dielakkan dalam berhadapan isu ini, agar mereka yang terlibat tidak merasa tersisih atau terasing daripada masyarakat.

Selain itu, bagi item “Saya tidak pernah mengambil tahu tentang isu anak tak sah taraf” seramai 5 orang (16.7%) mengatakan sangat tidak setuju dengan item ini, 9 orang (30%) juga mengatakan tidak setuju, manakala 7 orang (23.3%) pula menandakan jawapan tidak pasti bagi item tersebut. Hal ini menunjukkan masyarakat sebenarnya mengambil tahu dan cakna akan isu anak tak sah taraf. Hal ini juga dalam dilihat dalam item “Saya menganggap isu anak tak sah taraf sebagai tidak penting”. Seramai 8 orang (26.7%) mengatakan sangat tidak setuju dengan item tersebut, dan 13 orang (43.3%) menandakan jawapan mereka sebagai tidak setuju dengan kenyataan dalam item. Ini menggambarkan lebih daripada 50% responden setuju untuk mengatakan mereka menganggap isu anak tak sah taraf sebagai penting untuk diambil tahu.

Seterusnya, bagi item “Saya tidak pernah mengambil tahu tentang isu anak tak sah taraf” rata-rata mendapat response yang berbeza daripada responden. Seramai 5 orang (16.7%) mengatakan sangat tidak setuju, 9 orang (30%) mengatakan tidak setuju, 7 orang (23.3%) menjawab tidak pasti, 4 orang (13.3%) menjawab setuju dan 5 orang (16.7%) menjawab sangat setuju. Jawapan bagi sangat tidak setuju dan tidak setuju, menunjukkan masyarakat sebenarnya mengambil tahu akan isu anak tak sah taraf.

Dalam item “Masyarakat perlu sama-sama memainkan peranan dalam usaha membendung anak luar nikah daripada terus berlaku” tidak terdapat responden yang menolak kenyataan ini. Seramai 10 orang (33.3%) telah menjawab setuju dan 18 orang (60%) menjawab sangat setuju. Hal ini menggambarkan masyarakat bersetuju bahawa seluruh anggota masyarakat memainkan peranan dalam usaha membanteras gejala yang tidak sihat yang berlaku dalam masyarakat. Persepsi masyarakat dan min bagi setiap item dalam instrumen soal selidik dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Persepsi Masyarakat Terhadap Anak Tak Sah Taraf

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1.	Saya tidak memandang serong anak tak sah taraf.	2 (6.7%)	-	2 (6.7%)	17 (56.7%)	9 (30%)	4.03
2.	Anak tak sah taraf tidak berdosa.	1 (3.3%)	-	2 (6.7%)	15 (50%)	12 (40%)	4.23
3.	Anak tak sah taraf adalah sama seperti anak-anak yang lain.	-	1 (3.3%)	1 (3.3%)	16 (53.3%)	12 (40%)	4.30
4.	Ibu bapa anak tak sah taraf yang telah melakukan dosa sehingga lahir anak tanpa pernikahan.	-	1 (3.3)	5 (16.7%)	14 (46.7%)	10 (33.3)	4.10
5.	Anak tak sah taraf dilayan sama seperti orang lain.	1 (3.3%)	-	1 (3.3%)	16 (53.3%)	12 (40%)	4.27
6.	Individu yang terlibat dengan anak tak sah taraf tidak boleh disisihkan.	-	-	4 (13.3%)	16 (53.3%)	10 (33.3%)	4.20
7.	Saya tidak pernah mengambil tahu tentang isu anak tak sah taraf.	5 (16.7%)	9 (30%)	7 (23.3%)	4 (13.3%)	5 (16.7%)	2.83
8.	Saya menganggap isu anak tak sah taraf sebagai tidak penting.	8 (26.7%)	13 (43.3%)	6 (20%)	3 (10%)	-	2.13
9.	Masyarakat perlu sama-sama memainkan peranan dalam usaha membendung anak luar nikah daripada	-	-	2 (6.7%)	10 (33.3%)	18 (60%)	4.53

	terus berlaku.						
10	Keluarga mesti bersikap cakna mengenai pergaulan sosial anak remaja.	-	1 (3.3%)	1 (3.3%)	8 (26.7%)	20 (66.7%)	4.57
11	Keprihatinan masyarakat boleh mengurangkan permasalahan anak tak sah taraf.	1 (3.3%)	-	3 (10%)	8 (26.7%)	18 (60%)	4.40

Juteru, hasil dapatan kajian mendapati masyarakat Islam di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat tidak berpandangan serong terhadap anak tak sah taraf dan memberi layanan yang sama seperti orang lain kepada mereka. Hal ini menggambarkan masyarakat sedar dan sensitif terhadap gejala anak tak sah taraf ini. Kajian juga mendapati masyarakat di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat peka dan setuju bahawa masyarakat dan keluarga perlu sama-sama memainkan peranan dalam usaha bagi mengekang gejala anak tak sah taraf yang terjadi pada hari ini.

Anak yang tidak sah taraf bukanlah hina dan tidak berdosa kerana kesilapan yang dilakukan oleh kedua orang tuanya. Ini kerana prinsip Islam, seseorang tidak menanggung dosa orang lain. Justeru, setiap manusia berhak dihormati hak dan privasinya kerana dia tetap manusia yang kemuliaan di sisi Allah berasaskan siapa yang paling bertakwa antara manusia. Hal ini demikian seperti yang terdapat firman Allah SWT :

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوْلَاكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya:

Panggillah mereka (anak angkat itu) dengan nama bapa mereka; itulah yang adil di sisi Allah. *Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan maula-maula kamu. dan tidak ada dosa ke atasmu jika kamu khilaf tentang itu, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengajakan oleh hatimu, Allah Maha Pengampun dan Penyayang.*

(Surah Ahzab 33:5)

Hal ini demikian bermaksud, jadikanlah anak-anak tidak sah taraf ini sebagai warga istimewa dalam masyarakat dengan memberikan pendidikan dan nafkah yang cukup agar mereka tidak terkesan dengan tragedi menimpa diri mereka kerana mereka dianggap sebagai keluarga oleh masyarakat Islam (Zulkifli 2017).

Anak tak sah taraf juga mempunyai hak serupa dengan anak yang lain bagi menikmati kesempurnaan hidup. Perlakuan sumbang kedua-dua ibu bapa tidak memutuskan hubungan nasab anak tersebut dengan ibunya (Abd. Ghani & Nurruah 2016). Mufti Perlis, dalam kenyataannya menyokong anak tak sah taraf dibinkan dengan bapanya dengan

melihat kepada konteks hari ini. Menurut beliau, ibu bapa yang sudah bertaubat inginkan anak yang sedang membesar dengan cara yang baik. Dengan cara ini aib anak terjaga dan anak tersebut mampu menjalani kehidupan dengan baik tanpa perlu merasa malu dan terasing (Mohd Asri 2008).

Sebagai rumusan, agama Islam tidak pernah meletakkan stigma kepada anak tak sah taraf ini. Bahkan Islam memuliakan seseorang Muslim berdasarkan keimanan, ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT dalam menjalankan kewajipan sebagai seorang Muslim. Ukurannya bukanlah terletak samada seseorang itu bertaraf anak tak sah taraf atau tidak (Azizah Mohd 2006).

KESIMPULAN

Pemeliharaan nasab adalah termasuk dalam lima perkara *maqasid syar'iyah*. Nasab adalah asas kukuh dalam membina kehidupan rumah tangga yang mengikat kesatuan darah antara ibu bapa dengan anak. Dalam tujuan menjaga nasab inilah, pernikahan disyariatkan buat umat Islam. Dengan pensyariatan perkahwinan, maka perbuatan zina diharamkan kerana perbuatan zina tidak memelihara nasab secara sah. Apabila syariat Islam dipatuhi maka gejala anak tak sah taraf tidak menular dalam masyarakat.

Sebagai kesimpulannya, usaha bagi menangani masalah anak tidak sah taraf ini perlu dimulakan dalam pembentukan akhlak. Tidak dinafikan, penerapan nilai-nilai murni berteraskan akhlak Islam bukan satu perkara yang mudah. Namun, ia perlu dilaksanakan oleh semua pihak secara berterusan, bersungguh-sungguh dan penuh kesabaran. Dengan demikian, diharapkan dapat mewujudkan suatu suasana atau persekitaran yang sihat, positif dan mampu merangsang pembentukan akhlak anak-anak yang positif sekali gus mampu merawat masalah keruntuhan akhlak yang sedang berlaku dalam masyarakat.

Kajian akan datang boleh diperluas dengan mengkaji isu berkaitan anak tak sah taraf dari pelbagai sudut ruang kajian yang berbeza dan dengan berdasarkan skala yang lebih besar demi manfaat keseluruhan anggota masyarakat secara bersama.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2016). *Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Di Negeri Kedah*. Kanun 28 (2). 214-244.

Anon. (2014). *Bilangan Anak Luar Nikah Meningkat*. *Utusan Online*, 04 Disember; <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/bilangananakluarnikahmeningkat1.32383> akses pada 6 Jun 2017.

Azizah Mat Rashid & Nur 'Adha Abdul Hamid. (2014). *Kajian Kerangka Undang-Undang Sedia Ada Bagi Anak Tak Sah Taraf*. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi. Jilid 1, Isu II. 84-99.

Azizah Mohd. 2006. *Perlindungan Hak Anak Tidak Sah Taraf Yang Beragama Islam Di Bawah Undang-Undang Di Malaysia*. Jurnal Kanun 18 (3) 17-37.

- Farah Marshita, Abdul Patah & Ahmad Suhael Adnan. (2017). Keputusan Benarkan Bin Bapa Anak Luar Nikah Langgar Syarak. Berita Harian, 28 Julai.- <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306491/keputusan-benarkan-bin-bapa-anak-luar-nikah-langgar-syarak> akses pada 6 Jun 2017.
- Isu-Isu Fatwa Munakahat: Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.* 2013. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.* (2015). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya. (2016). *Isu Penasaban Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Dari Sudut Pandang Siasah Syar'iyah Di Malaysia.* Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. 22 & 23 November, hlm. 237-253.
- Mohd Asri Zainal Abidin. (2008). Menasabkan Anak Kepada Suami Ibu Sekalipun Perkahwinan Kurang Daripada Enam Bulan: <http://drmaza.com/home/?p=488> akses pada 02 Februari 2018.
- M. Abdul Mujieb, Mabruri Tholhah, Syafi'ah A.M. (2002). *Kamus Istilah Fiqh.* Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Norlizah Abas. 2017. *Anak Luar Nikah Boleh Bin Nama Bapa.* Utusan Online 27 Julai. <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/anak-luar-nikah-boleh-bin-nama-bapa-1.507979> akses pada 11 Jun 2017.
- Nurul Irfan, H.M. (2013). *Nasab dan Status Anak Dalam Hukum Islam.* Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Nurrual Hilal & Abd Ghani. (2015). *Mengandung Anak Tak Sah Taraf : Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Prosiding 8th UUM International Legal Conference 2015.* 25-26 Ogos.
- Paizah Hj Ismail. (2013). *Anak Tak Sah Taraf Dari Persepektif Syariah Dan Perundangan Islam Di Malaysia.* Jurnal Fiqh No. 10. 77-90.
- Sophia Ahmad. (2016). 159,725 Anak Tak Sah Taraf Didaftar Sejak 2013: JPN. Berita Harian, 13 September; <https://www.bharian.com.my/node/192319> akses pada 11 Jun 2017.
- Zaleha Kamaruddin. (2002). *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam.* Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn Bhd.
- Zulkifli Hassan, Irwan Mohd Subri, Lukman Abdul Mutalib. (2013). *Analisa Kes Melibatkan Anak Tak Sah Taraf Di Mahkamah Syariah.* Jurnal Hukum. Jilid 36 (2).
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2001). *Fiqh dan perundangan Islam.* Jilid 7. Terj. Ahmad Shabari Salamon. Jilid 7. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2017). Isu Penamaan “Bin/Binti” Abdullah Kepada Anak Tak sah Taraf oleh Mahkamah Rayuan: <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1714-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>: akses pada 11 Ogos 2017.